



# **KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

## **BERKENAAN:**

### **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2019 SIRI 2 MENGENAI AKTIVITI AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI MELAKA**

### **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI MELAKA TAHUN 2020**

1. Pengauditan terhadap aktiviti jabatan/agensi merupakan pengauditan prestasi yang dilaksanakan di bawah Seksyen 6(d), Akta Audit 1957. Pengauditan bagi pengurusan syarikat Kerajaan pula dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957 dan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 [P.U(A) 294] yang telah diwartakan pada 30 September 2017. Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri.
2. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107(2) pula, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja atau Yang di-Pertua Negeri berkenaan yang hendaklah menyebabkan laporan tersebut dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri itu.

3. LKAN Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 28 September 2021. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Melaka Tahun 2020 pula telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 2 Disember 2021. Kedua-dua LKAN ini dibentangkan setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, setelah mendapat perkenan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka, laporan tersebut akan dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Melaka pada 27 Disember 2021.
4. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

#### **4.1. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka**

Pengauditan prestasi telah dijalankan mengikut standard pengauditan antarabangsa iaitu The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 3000, 3100 dan 3200. Pengauditan prestasi yang dijalankan bertujuan menilai sama ada aktiviti/projek Kerajaan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif aktiviti/projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*. Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2 ini, satu pengauditan prestasi dan satu pengauditan pengurusan syarikat telah dilaksanakan di peringkat Jabatan Audit Negara Negeri Melaka seperti berikut:

##### **4.1.1. Pengurusan Kemudahan Sukan di Negeri Melaka**

- a. Objektif penyediaan kemudahan sukan oleh Perbadanan Stadium Melaka (PSM) dan Majlis Sukan Negeri Melaka (MSNM) adalah untuk menyediakan kemudahan latihan bagi atlet berprestasi tinggi, mengoptimumkan penggunaan kemudahan sukan dalam memberi manfaat kepada masyarakat dan melahirkan atlet-atlet sukan sehingga ke peringkat

antarabangsa. Terdapat sembilan kemudahan sukan diuruskan oleh PSM dan enam kemudahan sukan diuruskan oleh MSNM.

- b. Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa pengurusan kemudahan sukan di PSM dan MSNM masih belum mencapai objektif yang ditetapkan sepenuhnya. Kemudahan sukan sedia ada telah digunakan oleh atlet dan orang awam untuk aktiviti sukan dan bukan sukan. Namun prestasi penggunaan kemudahan sukan tidak dapat diukur kerana sasaran tidak ditetapkan. Terdapat juga kemudahan sukan yang disediakan tetapi tidak digunakan oleh atlet sepenuhnya untuk tujuan latihan. Prestasi atlet dalam kejohanan sukan utama adalah baik dan dapat diukur melalui pencapaian Pelan Perancangan Strategik MSNM 2015-2018. Terdapat kelemahan dalam aspek penyenggaraan dan keselamatan yang memberi kesan terhadap penggunaan kemudahan sukan oleh atlet dan masyarakat.

#### **4.1.2. Pembangunan Pertanian Melaka Sdn. Bhd.**

- a. Pembangunan Pertanian Melaka Sdn. Bhd. (PPMSB) merupakan syarikat milikan penuh Yayasan Melaka. Objektif penubuhan PPMSB adalah menjalankan aktiviti pengurusan ladang kelapa sawit milik syarikat yang menyumbang kepada pendapatan tertinggi syarikat. Pengauditan melibatkan pengurusan syarikat PPMSB yang meliputi tiga aspek utama, iaitu tadbir urus korporat, aktiviti pengurusan ladang kelapa sawit dan kedudukan kewangan.
- b. Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan objektif penubuhan PPMSB masih belum dapat dicapai sepenuhnya. Amalan tadbir urus korporat PPMSB kurang memuaskan kerana tujuh daripada lapan amalan terbaik tadbir urus korporat tidak dilaksanakan sepenuhnya. Perkara ini telah memberi kesan kepada tahap kecekapan dan keberkesanan operasi harian syarikat. Ketiadaan Prosedur Operasi Standard (SOP) kewangan telah memberi kesan kepada pengurusan kewangan PPMSB terutamanya berkaitan pengurusan wang panjar, perolehan tanah dan dokumentasi perbelanjaan. Kerugian terkumpul syarikat subsidiari, jika tidak diatasi juga boleh menjejaskan aliran tunai PPMSB.

- c. Pencapaian output bagi pengeluaran sebenar Buah Tandan Segar adalah kurang memuaskan kerana tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Pencapaian keberhasilan aktiviti syarikat tidak dapat diukur berikutan tiada penetapan sasaran ditetapkan. Bagaimanapun, aktiviti ladang kelapa sawit telah menyumbang 72.5% kepada keseluruhan pendapatan operasi PPMSB. Pengurusan aktiviti operasi ladang sawit kurang cekap dari aspek tanaman semula, kawalan rumpai, pembajaan, penuaian, pemangkasan pelepah, penyelenggaraan tanah pajakan dan pemantauan ladang kelapa sawit. Namun, kedudukan kewangan PPMSB adalah stabil.

## **4.2. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Melaka Tahun 2020**

### **4.2.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri**

- a. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan yang dijalankan mendapati Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka telah diberi Pendapat Tanpa Teguran (Hal-hal Lain) iaitu:
  - i. Pembayaran Arahan Perbendaharaan 58(a) bagi bekalan atau perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelum dan dibayar pada tahun semasa perlu mengambil kira baki peruntukan jabatan sebelum kelulusan diberi; dan
  - ii. Tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut bagi Badan Berkanun, agensi dan syarikat Kerajaan negeri perlu dikutip atau dibuat penjadualan semula supaya baki ini dapat dikurangkan dari semasa ke semasa.
- b. Penyata kewangan tersebut menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan negeri dan rekod perakaunan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

#### **4.2.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri**

- a. Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan negeri.
- b. Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka adalah kukuh. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2020 adalah berjumlah RM160.40 juta, meningkat sebanyak RM31.75 juta berbanding RM128.65 juta pada akhir tahun 2019.
- c. Akaun Hasil Disatukan menunjukkan defisit berjumlah RM57.16 juta. Kutipan hasil pada tahun 2020 menurun sebanyak RM26.23 juta kepada RM392.88 juta berbanding RM419.11 juta pada tahun 2019.

#### **4.2.3. Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri**

Pengauditan pematuhan menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam. Pada tahun 2020, sebanyak dua pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap satu jabatan dan empat agensi negeri melibatkan Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka (JKPNM), Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ). Antara perkara yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

##### **a. Pengurusan Hasil Duti Hiburan di JKPNM**

- i. terdapat kekurangan kutipan duti hiburan sebanyak RM0.85 juta;
- ii. tunggakan duti hiburan tahun 2014 hingga 2019 yang belum dikutip berjumlah RM1.63 juta; dan
- iii. penyata jualan tiket tidak dikemukakan oleh pengendali taman tema.

**b. Pengurusan Cukai Taksiran Harta di MBMB, MPAG, MPJ dan MPHTJ**

- i. tunggakan cukai taksiran berjumlah RM5.14 juta bagi pegangan yang belum ditukar hak milik;
  - ii. penilaian semula perubahan bangunan dan binaan tidak dilaksanakan;
  - iii. pembayaran tanpa kontrak formal sejumlah RM201,718 iaitu selepas tempoh bayaran berkala yang dibenarkan (MPHTJ);
  - iv. pembayaran tanpa kontrak formal sejumlah RM83,755 iaitu dalam tempoh empat bulan selepas Surat Setuju Terima ditandatangani (MBMB); dan
  - v. bayaran tidak menepati spesifikasi perjanjian dengan perbezaan berjumlah RM10,543 (MBMB).
5. Ketua Jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembedahan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan tujuh syor di dalam LKAN Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka dan 12 syor di dalam LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Melaka Tahun 2020.
6. Kedua-dua LKAN ini akan dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Melaka pada 27 Disember 2021. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 27 Disember 2021 selepas jam 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).

Ketua Audit Negara

27 Disember 2021

22 Jamadil Awal 1443H